

Soal pentadbiran 2M terjejas tidak timbul — PM

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata soal sama ada perletakan jawatan Datuk Musa Hitam akan menjejaskan pentadbiran 2M tidak timbul, kerana slogan 2M bukan ciptaan kerajaan.

"Saya tidak pernah menamakan kerajaan saya sebagai 2M dan setahu saya Datuk Musa juga tidak pernah berbuat demikian.

"Apa yang saya tahu ialah 2M dicipta oleh pemberita sendiri ketika kami mula memimpin kerajaan dahulu. Oleh itu, soal sama ada 2M dapat dipertahankan tanpa Datuk Musa untuk

mentadbir negara ini tidak timbul," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menjawab pelbagai soalan wartawan di Majlis Makan Malam anjuran Kelab Kebangsaan Wartawan Malaysia di sini, malam tadi.

Mengenai kenyataannya bahawa perletakan jawatan Datuk Musa sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno bukan suatu isu besar yang tidak boleh diselesaikan, beliau berkata:

"Sepanjang yang saya ketahui, Datuk Musa sendiri tidak pernah menyatakan bahawa perletakan jawatannya sebagai isu besar.

"Bila ditanya, saya menyatakan bahawa masih ada lagi perkara besar di segi perpaduan dalam parti. Sebagai contoh, pertandingan untuk jawatan

Timbalan Presiden Umno adalah satu isu yang berkait rapat dengan perpaduan parti," tegasnya.

Ditanya sama ada beliau yakin Barisan Nasional akan menang dalam pilihanraya umum akan datang, beliau berkata, parti itu akan menang dengan mudah tanpa mengamalkan perbuatan yang di luar batasan.

Sama ada kerajaan bersedia menimbangkan untuk menarik balik pengharaman mengadakan rapat umum, Perdana Menteri berkata:

"Kita masih belum pasti sama ada perkara yang tidak diinginkan tidak akan berlaku jika rapat-rapat umum dibenarkan semula. Kita mesti berhati-hati kerana kita tidak mahu kejadian di negara-negara lain berlaku di negara ini."

Bagaimanapun, beliau memberi jaminan yang kerajaan akan menimbangkan perkara itu dengan teliti sebelum membuat sebarang keputusan mengenainya.